

Untuk Siaran Segera

**Panasonic Melebihi Jangkaan dengan Rangkaian terbaru 2009
untuk televisyen VIERA Panel- Rata**

Perkembangan dalam ciri-ciri dan saiz skrin, panel yang lebih terang, warna hitam yang lebih mendalam dan resolusi gambar bergerak yang lebih tinggi – barisan produk VIERA Plasma dan televisyen LCD panel-rata 2009.

Petaling Jaya, 26 Mac 2009 – Panasonic mengumumkan pelancaran plasma siri VIERA dan televisyen LCD untuk tahun 2009. Barisan model terbaru termasuk tiga siri – G, S dan X setiap satu mempunyai fungsi kualiti imej yang tinggi yang akan menggemblirakan penggemar filem tambahan dengan rangkaian fungsi yang akan menceriakan pengguna. Dengan saiz skrin dari 32 ke 50 inci , barisan model terbaru ini juga dapat membuka pasaran dan memenuhi pelbagai kehendak pengguna.

Model-model siri VIERA 2009 membolehkan anda untuk berkongsi dengan yang tersayang gambar-gambar peribadi, rakaman video, filem dan permainan kegemern. Bersedia untuk kenikmatan menonton televisyen pada tahap baru. Dapatkan VIERA hari ini! Sempurnakan hidup anda dengan VIERA! *NO VIERA, NO LIFE!*

Teknologi Teras

Model VIERA yang dikeluarkan pada tahun ini, menjanjikan kualiti gambar, kadar efisien yang lebih tinggi dan dimensi yang lebih nipis dari model-model yang sebelumnya. Direka untuk mencapai tahap generasi baru dari segi kecekapan dan kualiti gambar, teknologi NeoPDP mewakili kemajuan dalam tiga kawasan utama ; struktur sel baru, proses dan bahan baru dan 'new drive'.

Model LCD VIERA mempunyai panel Alpha IPS dengan nisbah apetun yang besar. Panel terbaru menyediakan filem gambar yang terang, kontras yang tinggi dan sudut penglihatan warna yang lebar.

Untuk Kualiti Gambar yang Tinggi

Dalam model plasma VIERA terbaru, Panasonic telah meningkatkan prestasi filem gambar, kontras dan reproduksi warna untuk menepati tahap kualiti gambar yang luar biasa.

Untuk meningkatkan prestasi filem gambar, model VIERA plasma telah mengambil 600Hz 'Sub-Field Drive' Panasonic yang dapat membantu untuk mencapai resolusi sebanyak 1080 garisan. Objek yang bergerak laju akan kelihatan terang dan jelas. Pengguna dapat menikmati pengalaman penglihatan yang hebat, terutamanya dengan aksi ultra-dinamik (ultra- dynamic action) dan aktiviti lasak seperti acara lumba kereta.

Model terbaru ini juga mempunyai kontras dinamik bernisbah 2,000,000:1 (asli 40,000:1) dengan tahap kecerahan bertambah yang dicapai dengan teknologi NeoPDP dan sistem 'Real Black Drive' (Sistem "pre-discharge). Dengan ciri-ciri terbaru ini, model ini menyediakan warna hitam yang dapat menarik perhatian penonton dengan kualiti gambar yang luar biasa.

Warna Wayang Gambar Digital (Digital Cinema Colour) menyediakan kelebihan reproduksi warna dengan cakera Blu-Ray dan siaran digital standard, bagi mencapai kelebaran warna keseluruhan pendekatan wayang gambar digital. Kelebaran warna keseluruhan ini, adalah 120% bagi standard HDTV, bermaksud, imej yang lebih ekspresif. Warna emas, merah dan kuning, warna yang sangat penting dalam filem, adalah dalam dan terang, ini membolehkan penonton di rumah menikmati pengalaman visual yang sama apabila berada di panggung wayang.

Model-model terbaru LCD VIERA HD penuh menyediakan 800 garis resolusi gambar bergerak dengan adanya teknologi Filem Gambar Pro 100Hz Panasonic (100Hz Pro Motion Picture) . Dengan menggunakan kapabiliti penderiaan pergerakan imej yang luar biasa, fungsi ini dapat mengesan dengan tepat dan menganalisa pergerakan tegak, mengufuk, dan pepenjuru. Seterusnya mencipta perantaraan bingkai-bingkai baru dengan lebih tepat. Keputusannya ialah ulang tayang filem gambar yang terang dan jelas dengan tahap penggaburan yang minimum.

*1 Apabila menggunakan mod wayang (cinema). Kecuali Siri S.

*2 Berdasarkan kaedah ukuran APDC. Kecuali Siri X.

Untuk Rangkaian Pintar

Model-model VIERA pada tahun ini mempunyai fungsi “VIERA image viewer” yang telah dipertingkatkan dan fungsi rangkaian “VIERA Link”. Dengan operasi lanjutan yang mudah dan serba boleh, VIERA bukan sahaja sebuah televisyen yang ditonton, ia juga boleh digunakan sebagai alat hiburan.

VIERA Image viewer (SD Link) telah dimasukkan pada semua model-model 2009 dan hanya dengan tiga langkah mudah: *SHOOT, SLOT, dan SEE*. Anda boleh menikmati menonton gambar dan video di televisyen VIERA dengan mudah. Dengan hanya memasukkan kad memori SD di dalam slot VIERA, pengguna dapat menonton filem gambar^{*3} dan gambar yang dirakam menggunakan kamera digital LUMIX atau kamkoder yang serasi dengannya. Untuk tontonan yang berkesan dan hiburan, pengguna boleh memasukkan muzik latar^{*4} dan kesan imej pada pertunjukkan slaid.

VIERA Link, yang membolehkan penonton menggunakan alat kawalan jauh VIERA untuk mengawal alat-alat yang disambungkan pada televisyen VIERA melalui kabel HDMI, telah ditingkatkan lagi. Tambahan lagi, kamera digital LUMIX dan alat cakera mudah alih Blu-Ray yang pertama^{*5} kini telah dimasukkan ke dalam senarai alat-alat yang sesuai digunakan dengan “VIERA Link”. Ini bermakna, jika pengguna menyambungkan kamera digital LUMIX pada televisyen VIERA, pengguna boleh menggunakan alat kawalan jauh VIERA untuk mengawal ulang tayang filem gambar^{*6}

atau gambar yang disimpan di dalam kamera. “VIERA Link” juga adalah mesra alam sekitar. Ia membantu menjimatkan tenaga secara automatic mengubah kuasa alat-alat yang disambungkan, dengan menukarkan mod “Intelligent Auto Stand-by” atau “Stand-by Power save”.

Model terbaru VIERA menunjukkan Panasonic fokus dalam meningkatkan kemudahan dalam operasi dan hiburan sambil memberikan pertimbangan penuh terhadap alam sekitar.

*3 Kecuali Siri S, X10, Siri model-model LCD TV.

*4 Kecuali Siri X10, Siri model-model LCD TV.

*5 Bertarikh pada Januari 2009

*6 Hanyan bersesuaian dengan model AVCHD Lite. (DMC-TZ7 dan DMC-FT1)

Untuk Prestasi Persekitaran

Dengan bebas tanpa ‘lead’ dan 100,000 jam jangka panjang panel paparan plasma, Panasonic menyambung untuk mencipta produk yang boleh digunakan untuk prestasi alam sekitar. Produk itu sendiri merupakan mesra alam sekitar dan memasukkan fungsi yang mesra alam sekitar. Mod Eco contohnya mengurangkan penggunaan kuasa secara automatic menyesuaikan skrin luminasi mengikut tahap kecerahan bilik dan keselesaan menonton yang lain.

Gambaran Siri Keseluruhan

Siri G

Menggabungkan satu hos fungsi kualiti gambar yang tinggi, siri G adalah teras model HD penuh yang menawarkan 1080 baris resolusi gambar bergerak dan kontras melebihi 2,000,000:1 (native 40,000:1). Bagi rangkaian pula, model siri G ini menawarkan “VIERA Link” dan “VIERA Image Viewer”, yang dapat memberikan penonton cara yang mudah untuk menikmati gambar yang menarik.

Dengan panel IPS Alpha yang lebih maju, model LCD Siri G dapat memberikan kualiti imej yang menarik dengan resolusi sebanyak 800-garisan, kontras 20,000:1 dan sudut penglihatan warna yang lebih lebar. Model-model ini juga memberikan rangkaian fungsi yang lebih canggih.

Siri S

Model siri plasma S ini pula menawarkan model “entry level” yang memudahkan pengguna untuk menikmati imej yang menarik dalam definisi penuh yang tinggi. Model-model tersebut mempunyai “Drive Sub-Field” 550Hz, kontras dinamik 2,000,000:1, “VIERA Image Viewer”, dan “VIERA Link”. Model HD penuh ini juga menawarkan kesemua keperluan yang penonton perlukan, bagi menikmati, kualiti imej televisyen hiburan yang menarik.

Menggabungkan panel Panasonic Alpha IPS^{*8}, model LCD siri S ini, mempunyai imej yang cantik dengan sudut menonton warna kelebaran dan kontras setinggi 20,000:1.

*8 Hanya model 32 inci

Siri X10/X15 (LCD sahaja)

Model plasma siri X10 mempamerkan kualiti gambar yang bermutu tinggi dalam kelas definisi yang tersendiri. Ia juga bagus dalam prestasi alam sekitar, dengan adanya penggunaan “lead free”, panel jangka hayat.

Model LCD siri X15 menggunakan teknologi filem gambar Pro Panasonic 100Hz bagi mendapatkan ulang tayang filem gambar yang tajam dan jelas.

Di samping kualiti gambar yang luar biasa, model VIERA pada tahun ini ditingkatkan sepenuhnya, dan telah berkembang dalam bahagian rangkaian, fungsi tambahan yang dapat memberikan penonton atau pengguna cara-cara baru yang menghiburkan untuk menikmati atau menonton televisyen. Dengan barisannya yang luas bagi tahun 2009, Panasonic menawarkan model VIERA untuk keperluan menonton, dengan kualiti imej, ciri-ciri dan prestasi yang melebihi jangkaan pengguna yang tertentu.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media:

Azizah Wahid

Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Latar Belakang

Rangkaian Siri Televisyen VIERA Panasonic Panel Nipis untuk 2009

Plasma TV

HD Penuh

Siri G : TH-P42G10

Siri S : TH-P50S10, TH-P42S10

HD

Siri X : TH-P50X10, TH-P42X10

LCD TV

HD Penuh

Siri G : TH-L37G10

Siri S : TH-L37S10, TH-L32S10

HD

Siri X 15 : TH-L37X15

Siri X 10 : TH-L37X10, TH-L32X10